

Nama Suratkhbar : Utusan Malaysia (Segmen Rencana)

Tarikh: Jumaat, 26 September 2014

Mukasurat : 11

Utusan Melayu (Jumaat) 26/9/14 ms 11 (Segmen Rencana)

# Bahasa Kebangsaan tanggungjawab 30 juta rakyat Malaysia

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**

TIADA kata secantik bahasa, untukku puji adinda... Begitulah bait-bait senikata lagu *Tiada Kata Secantik Bahasa*, nyanyian Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dipetik daripada filem *Anakku Sazali*.

Begitu hebatnya penilaian seorang Seniman Agung Negara terhadap budaya bangsanya.

Kisah bangsa Melayu yang kecewa bahawa bahasa kebangsaan kita tidak diraikan sewajarnya sepanjang sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan, sepatutnya menyedarkan kita bahawa ia merupakan tugas semua umat yang mengaku Melayu dan mengaku mereka rakyat Malaysia.

Tidak kiralah bangsa Melayu, Cina, India, peranakan mahupun bertaraf warganegara angkat.

Menteri Pendidikan yang juga Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa melancarkan Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 pada 13 Oktober 2011 di Universiti Teknikal Malaysia (UTEM), Melaka, dipetik sebagai berkata; "Janganlah kerana ketaksihan kita kepada bahasa asing menyebab-

kan kita mempunyai pandangan yang juling terhadap bahasa kebangsaan sendiri."

Dalam konteks bahasa Melayu yang dikatakan terpinggir dari arus kemodenan hingga penggunaannya seakan mclukut di tepi gantang dan tidak begitu diraikan, tidak perlulah kita terus menuding jari kepada mana-mana pihak. Letusan maklumat bak bom nuklear menjadikan dunia yang besar ini seakan kampung kecil yang tersepit di celah bandar bak Kampung Baru di Kuala Lumpur.

Sebagai rakyat Malaysia fahamilah, sudah termaktub dalam Perlembagaan Negara Malaysia di bawah Artikel 152 bahawa Bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan, titik. Maka jangan lagi dipersoalkan.

Soal titik bengik acara mengimarahkan Bulan Bahasa Kebangsaan biarlah kita sesuaikan dengan keadaan semasa negara yang sedang bercelaru dengan kisah politik dan perkabungan akibat hilangnya pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 dan terhempasnya MH17 di Ukraine.

Jika mahu menyesuaikan setiap peristiwa yang dilalui rakyat negara ini dengan sambutan Bulan Bahasa kebangsaan inilah

masa yang sesuai. Pihak kerajaan di bawah mana-mana kementerian waima Kementerian Kewangan sekalipun yang sibuk dengan membuat Bajet 2015, boleh juga mengadakan majlis membaca puisi mengenang peristiwa tragis melibatkan dua pesawat milik syarikat penerbangan negara itu.

Di mana sahaja di bumi Malaysia ini, bulan meraikan bahasa rasmi negara ini boleh dimeriahkan: sambutannya. Di kampung, estet, di kejiranan di bandar seperti Kuala Lumpur malahan di tepi-tepi jalan di kota, malahan di pekan kecil di Bukit Bakri, Muar, Johor dan Karai, Enggor Perak.

Pihak parti politik tidak kira parti kerajaan, Barisan Nasional (BN) mahupun parti pembangkang boleh juga mengadakan pesta baca puisi. Dalam konteks UMNO sebagai tunjang BN boleh juga mengadakan Pesta Bulan Bahasa Kebangsaan dengan mengadakan pertandingan mendeklamasi sajak mahupun karaoke lagu Melayu asli.

UMNO peringkat bahagian boleh menganjurkan pertandingan debat bahasa Melayu mahupun pesta pantun dalam kalangan pergerakannya Pemuda mahupun Puteri mereka.

Parti bukan Melayu juga boleh mengadakan pertandingan syarahan mahupun debat bahasa Melayu jika mereka berhajat untuk sama-sama meraikan bulan bahasa kebangsaan. Aktiviti pengayaan penggunaan bahasa Melayu dalam program wacana rasmi dan sejaruh rasmi patut dilakukan dengan rasa tanggungjawab menjadikan bahasa Melayu sebagai jiwa bangsa Malaysia menjelang 2020.

Kerajaan sendiri tidak menghalang rakyat negara ini untuk belajar bahasa selain bahasa Melayu. Begitu juga bangsa lain tidak pernah menghalang orang Melayu untuk belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina mahupun Tamil.

Tepuk dada tanya selera. Malaysia negara bebas untuk melakukan apa sahaja tetapi tolonglah hormati ibu segala peraturan dan undang-undang iaitu Perlembagaan Persekutuan yang mempunyai dua versi Bahasa Malaysia mahupun Bahasa Inggeris. Artikel 152 di dalamnya sudah menetapkan bahasa rasmi adalah Bahasa Malaysia.

Justeru, kita hentikan prejudis kepada bahasa Melayu yang dianggap tidak menggambarkan intelektualisme seseorang. Per-

cayalah juga bahasa Melayu bukan jumud malahan kita boleh menerima bahasa Inggeris, Arab, Portugis, Sanskrit, Hindi malahan bahasa Uzbekistan yang menyebut perkataan pavlavan sinonim dengan perkataan pahlawan yang kita guna pakai.

Sebagaimana orang Melayu di negara ini boleh menerima sesiapa sahaja menjadi sebahagian rakyat di negara ini sejak ratusan tahun lampau diharap bahasa Melayu tidak dipinggirkan atas alasan kemodenan.

Fahamilah rakyat yang menjiwai bahasa Melayu akan juga menjiwai budaya dan roh perjuangan orang Melayu di bumi sendiri. Orang Melayu suka berkongsi, tidak kira kek ekonomi mahupun budaya yang menjadikan kita sebagai bangsa yang beropan-santun dan berbudi bahasa malahan menentang jasa. Pembahasa ada menyebut bahasa jiwa bangsa, di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung.

Kepada 30 juta rakyat Malaysia, tanggungjawab menjaga bahasa di tangan kita bukan di tangan orang luar yang tidak memahami budaya kita tetapi hanya berminat dengan budaya kita atas sebab pelancongan dan ekonomi semata-mata.